

Laman ALLAMANDA

MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH (MPKK)



EDISI 02 / 2024
JULAI – DISEMBER 2024

كرد ساجد
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA



LAWATAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM



Berita Menarik

➤ Majlis Menandatangani Perjanjian
Kulim SmartPay (M/S 10)

➤ MPKK Kini ke Arah Pelaksanaan
Inisiatif E10 Plus (M/S 41-42)

KULIM BERSIH, INDAH, MAJU DAN SELAMAT



Experience
KEDAH

ISI KANDUNGAN

INFO PENGURUSAN

• Penganugerahan Darjah-Darjah dan Bintang-Bintang Kebesaran.....	03
• Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023.....	04
• Lensa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023.....	05
• Lensa Delegasi MPKK ke Istana Negara.....	08
• Anugerah Bandar Mampan.....	09
• Anugerah Tandas Awam PBT Bersih BMW.....	10
• Penempatan Penjaja Pasar Borong Kulim ke Tapak Penjaja Taman Kenari.....	11
• Majlis Menandatangani Perjanjian Kulim Smart Pay.....	12
• Perasmian Asrama Pekerja Berpusat (CLQ).....	13
• Lensa Sesi Bidaan Petak Niaga Bazar Ramadhan 2024/1446H.....	14
• Anugerah Reformasi Urusan Permit Pembinaan	
• Lawatan rasmi ke sidang DUN.....	15
• Lawatan Rasmi Ketua Setiausaha Negara.....	16
• Majlis Perhimpunan Korporat MPKK Dan Majlis Perlancaran Buku Pelan Anti Rasuah Kedah.....	18
• Majlis Pelancaran Bangunan Kilang Eve Energy (M) Sdn Bhd	20
• Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam.....	21
• Majlis Penyerahan Projek Beyond Benih.....	22

INFO POGRAM / ACARA

• Program Pertandingan Memasak Bubur Asyura.....	23
• Program 'Jom Tanam Pokok' Daerah Kulim 2024.....	24
• Majlis Pelancaran Kibarkan Jalur Gemilang 2024.....	25
• Konvoi Serahan Jalur Gemilang Bulan Kemerdekaan Ke-67	26
• Break Bersama Coffee Presiden CUEPACS.....	27
• Kejohanan Boling Berpasukan Tertutup MPPK Boling Merdeka	28
• Lensa Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kulim	29
• Karnival Perpaduan Komuniti Sempena Sambutan Hari Malaysia 2024.....	30
• Hari Cuci Malaysia 2024 di Taman Eco Rimba Sedim World Clean-Up Day.....	31
• Majlis Hi-Tea Cahaya Deepavali 2024.....	32
• Lensa Hari Keluarga dan Sukaneka Alamku.....	33
• Gotong Royong Perdana Sempena Tahun Melawat Kedah 2025.....	34
• Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah Zon-Zon Ahli Majlis..	35

INFO LATIHAN/BENGKEL

• Kursus Teknikal Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Strata.....	36
• Bengkel Kutipan Cukai Taksiran	37
• Kursus Keselamatan Kerja Penyelenggaraan Pokok Rendang	37

INFO OPERASI

• Operasi Bersepadu Premis Makanan	
• Operasi Rampasan Stall Terbiar.....	38

INFO DELEGASI

• Lawatan Ahli Majlis ke Tapak Pelupusan Sanituari(TPS)	
• Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Dungun	39
• Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pegawai-Pegawai Penilaian PBT	
• Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kubang Pasu dan Majlis Bandaraya Shah Alam	40
• Lawatan Penandaarasan Majlis Perbandaran Kulim ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang	41

INFO CSR

• Program Gotong-Royong Pembersihan Kawasan Terjejas Banjir Mukim Derang, Pokok Sena Kedah.....	42
--	----

INFO KHAS

• MPKK Kini Ke Arah Pelaksanaan Inisiatif E10 Plus.....	43
---	----

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff,
DSDK., PSD.,PMW., SDK., AMK., KAT., AMN., BCK.
Yang Dipertua MPKK

PENASIHAT

Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK.
Puan Setiausaha MPKK

KETUA EDITOR

Puan Munira binti Abdul Rahim
Ketua Unit Komunikasi Korporat
dan Perhubungan Awam

EDITOR

Puan Norhasnida binti Othman
Pembantu Tadbir
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Puan Nurfarahin binti Jefri

Pembantu Tadbir
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

JURUFOTO

Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Encik Syaiful Adnan Bin Othman

Pembantu Operasi
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

SIDANG EDITORIAL / SUMBER MAKLUMAT

Jabatan Khidmat Pengurusan
Jabatan Perbendaharaan
Jabatan Perancangan Dan Landskap
Jabatan Kawalan Bangunan
Jabatan Kesihatan Dan Persekittaran
Jabatan Kesihatan Persekittaran
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Kejuruteraan
Unit Undang-Undang
Unit OSC
Bahagian Pembangunan Organisasi
Bahagian Pengurusan Maklumat

KONSEP DAN PENERBITAN

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandatran Kulim

02 - 03 Julai 2024 - Sekalung tahniah kepada semua penerima Penganugerahan Darjah- Darjah Serta Bintang-Bintang Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-82 Tahun 2024.

Majlis telah berlangsung di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Syabas dan tahniah!



**ANUGERAH AHLI MAHKOTA KEDAH
(A.M.K)**
TPr. HAJI HAMZAH BIN AB. HALIM
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN
DAN LANDSKAP



**BINTANG KEBAKTIAN MASYARAKAT
(B.K.M)**
ENCIK ANNUAR BIN HASSAN
AHLI MAJLIS



**BINTANG PERKHIDMATAN
CEMERLANG KEDAH (B.C.K)**
TUAN HAJI ZAIDI BIN ZAINUN
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT



**BINTANG KEBAKTIAN MASYARAKAT
(B.K.M)**
Tc. NORAFZALIZA BINTI IBRAHIM
PENOLONG JURUTERA
JABATAN KEJURUTERAAN



**PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEDAH (P.C.K)**

PUAN HAJAH AZLINA BINTI SALLEH
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR

ENCIK BADROLHISHAM BIN OSMAN
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR

ENCIK MOHD FAIZUL BIN ABD RAHMAN
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR

ENCIK KHAIRIL BIN AB JALIL
PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR

PUAN HAJAH UMMI KALSOM BINTI ISHAK
PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN

ENCIK MUHAMAD FURKHON BIN MOKHTAR
PEMBANTU TADBIR



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 MERAIKAN SERAMAI 48 ORANG KAKITANGAN MPKK “SEKALUNG BUDI, SEINDAH MEMORI”

15 Julai 2024 – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 dan Majlis “Sekalung Budi, Seindah Memori” telah berlangsung bertempat di Kulim Golf & Country Resort.

Majlis “Sekalung Budi, Seindah Memori” sempena perpisahan Cik Amal binti Zubir, mantan setiausaha MPKK.

Seluruh warga kerja MPKK merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Cik Amal binti Zubir di atas khidmat bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat bersama MPKK. Majlis turut menyaksikan sesi penyerahan tugas kepada Setiausaha MPKK, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi. Tahniah dan selamat berkhidmat diucapkan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil APC yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), diiringi Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK dan Encik Halimin bin Lahaming, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKK.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima-penerima anugerah dan terima kasih kepada pesara dan bakal pesara di atas jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama berkhidmat di MPKK.





Haji Zaidi bin Zainun



Ts. Muhammad Rezuwan bin Abu Samah



Norhaya binti Osman, PCK



Mohamad Firdaus bin Saiden



Khairul Faezi bin Abdullah



Mohamad Qaiyum bin Abdul Jalil



Ahmad Sobri bin Haron, PPN., PCK



Hasni binti Salleh



Mohamad Nayan bin Mat, PJK



Noor Azhar bin Abdul Hamid



Mat Raduan bin Mat Isa



Faridah binti Abdullah



Zaiton binti Abraham



Razak bin Yahya



Ahmad Rosli bin Md. Ghouse, PCK



Khairul Syafiq bin Shahari



Syazwani Asilah Binti Zulkiffli



Raudhah Ayuni binti Abdul Razak



NurFatin binti Mahadzir



Mohd. Zambri bin Yahaya



Sanusi bin Muhammad



Norakmal bin Zainol



Muhammad Afnan bin Ismail



Mohamad Nidzam bin Che Me



Ezamfitri bin Ahmad



Mohd Aizuddin bin Azmi



**Amar Zul Azri bin Abu Bakar
Mat Isa bin Salleh
Kamarul Hafishyam bin Aziz**

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023



**Mohammad Asyraf bin Ahmad
Nasrol**



Mohamad Hairi bin Che Embi



Mohamad Fikrey bin Abdul Talib



Alif Aiman bin Muhamad Fathi



**Muhammad Aizat Mahdzir bin
Abdullah**



Alya Anisha binti Azizul Akmar

PENERIMA ANUGERAH PRESTASI KHAS PEKERJA SAMBILAN HARIAN 2023

**PENERIMA
ANUGERAH
PRESTASI KHAS
PEKERJA SAMBILAN
HARIAN
2023**



Norhasnida binti Othman



Mohammad Faiz bin Azmi



Khairunnissa binti Mohd Rosli



Mohamad Fikri bin Ahmad

**PENERIMA
ANUGERAH
KEPIMPINAN
CEMERLANG
2023**



Shaiful Lizan bin Hassan



Mohd Sufri bin Othman, PPL



Azlina binti Salleh



Fazli bin Teh@Puteh, PCK

**PENERIMA
ANUGERAH TOKOH
TRANSFORMASI
2023**



**Ar. Haji Mohd Nazri bin Harun,
AMN, BCK**



**TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim,
AMK, AMN, BCK, PJK**



**PMgr. Sr. Fauziah binti Abdul
Motalib, BCK**



Ahmad Shakir bin Arus, BCK



Ts. Siti Safarah binti Amirnuddin



ANUGERAH BANDAR MAMPAN MURNInets 2.0 TAHUN 2024



ANUGERAH BANDAR MAMPAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1 Oktober 2024- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan AM JPBD Negeri Kedah (PERKASA) telah menganjurkan Program Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Negeri Kedah bertempat di Dewan Seri Mentaloon, Alor Setar, Kedah dengan bertemakan “Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi”.

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah dinobatkan sebagai penerima ANUGERAH BANDAR MAMPAN TAHUN 2024 Peringkat Negeri Kedah. YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK hadir menerima pengiktirafan dalam majlis ini yang disempurnakan perasmianya oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar, Kedah.

Penganugerahan ini hasil pengukuran tahap kemampunan melalui sistem MURNInets yang menilai tahap kemampunan sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui set penunjuk yang telah ditetapkan bagi menentukan tahap kemampunan bandar, mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan peluang penambahbaikan serta mengukur prestasi pengurusan bandar.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga MPKK di atas anugerah tersebut!





ANUGERAH TANDAS AWAM PBT BERSIH BMW SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA KPKT 2024

8 Oktober 2024 - Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia KPKT 2024 telah diadakan di Bangi Avenue Convention Centre yang disempurnakan perasmian majlis oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sempena majlis ini, KPKT memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dalam melaksanakan kempen-kempen kesihatan persekitaran bagi tahun 2024.

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah berjaya dianugerahkan tempat ke-3 PBT Cemerlang dalam Kempen Kesihatan Persekitaran bagi kategori Tandas Awam PBT Bersih BMW (Bersih, Menawan dan Wangi).

Tujuan penganjuran kempen bagi kategori ini adalah sebagai usaha KPKT untuk mempromosikan budaya penjagaan tandas yang bersih, selamat dan selesa serta mewujudkan tandas awam yang berstatus BMW kepada pengguna. Kempen ini telah berlangsung bermula 1 Mei 2024 hingga 31 Julai 2024.

MPKK telah memilih Tandas Awam Stesen Bas Kulim bagi penyertaan kempen Tandas Awam Bersih 2024 dan berharap masyarakat dan komuniti Kulim dapat bersama – sama membudayakan amalan penjagaan serta penggunaan tandas yang betul demi menjaga kebersihan dan keceriaan tandas awam secara berterusan di seluruh kawasan Daerah Kulim.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK diiringi Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK hadir menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh Timbalan Menteri KPKT.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga MPKK dan seluruh pihak yang terlibat serta semua PBT yang menerima pengiktirafan dan anugerah sempena kempen yang telah dianjurkan.

PENEMPATAN PENJAJA PASAR BORONG KULIM KE TAPAK PENJAJA TAMAN KENARI

12 November 2024 - – Inisiatif dan usaha Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) dalam memperkukuhkan kedudukan peniaga tempatan dan mencipta persekitaran perniagaan yang lebih selamat dan selesa, para peniaga dari Lorong Kenari 2/2 kini akan beroperasi di Tapak Penjaja Taman Kenari, Kulim.

Majlis penyerahan tapak ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Khari Bin Mohd Salleh, Ahli Majlis Zon 04 MPKK. Langkah penempatan ini adalah inisiatif untuk menyediakan lokasi yang lebih kondusif dan teratur, bukan sahaja untuk kemudahan penjaja, tetapi juga bagi memastikan keselesaan orang awam yang berkunjung ke kawasan tersebut.

Penempatan baru ini akan memberi peluang kepada penjaja untuk menjalankan perniagaan dalam persekitaran yang lebih teratur, sekaligus meningkatkan taraf perkhidmatan mereka kepada masyarakat setempat. Sesi ini melibatkan 15 penjaja yang akan memulakan operasi di tapak baru pada 22 November 2024 (Jumaat).

MyKiosk merupakan inisiatif kerajaan dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan untuk kembali berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan.

Ia bertujuan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk setempat dengan memberi manfaat kepada para peniaga, di samping dapat menyediakan ruang niaga yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KULIM SMART PAY “KULIM MENYOKONG AGENDA KEDAH CASHLESS 2025”



21 November 2024 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah mengambil langkah dalam memacu transformasi digital dengan menandatangani perjanjian Kulim Smart Pay bersama Pro Office Solutions Sdn Bhd. Majlis Menandatangani Perjanjian Kulim Smart Pay telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dan Encik Amir Zahini bin Sahrim, Pengarah Pro Office Solutions Sdn Bhd, disaksikan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha dan juga Ahli-Ahli Majlis dan serta pengarah jabatan MPKK.

Kulim Smart Pay adalah transformasi besar yang menyokong aspirasi Kedah Cashless 2025, yang membolehkan setiap transaksi di Kulim kini dapat dilakukan secara digital dengan lebih cepat dan efisien.

Sebagai langkah permulaan, Kulim Smart Parking telah berjaya mencapai 109,635 pemuat turun aplikasi. Penjenamaan semula kepada Kulim Smart Pay menawarkan lebih banyak kemudahan bagi memenuhi keperluan pengguna yang semakin berkembang.

Kini, dengan Kulim Smart Pay, platform ini diperluaskan merangkumi transaksi tambahan seperti pembayaran bil cukai taksiran, sewa premis MPKK, pembaharuan lesen, dan lain-lain perkhidmatan dilaksanakan secara berperingkat. Perubahan ini menjadikan Kulim Smart Pay lebih menyeluruh dan memudahkan pelbagai urusan digital bagi masyarakat Kulim.

Selain itu, Kulim Smart Pay menawarkan pelbagai kelebihan seperti pembayaran terus ke akaun MPKK, kemaskini akaun masa nyata, serta bil dan resit digital untuk rekod yang lebih telus. Proses ini memastikan setiap transaksi dilakukan dengan lebih pantas, mudah, dan selamat, tanpa perlu berurusan dengan tunai. Langkah ini tidak hanya memudahkan urusan masyarakat Kulim, tetapi juga mengukuhkan lagi kedudukan MPKK sebagai peneraju inovasi di Negeri Kedah.

Dengan adanya platform ini, masyarakat Kulim kini boleh menikmati kehidupan yang lebih mudah dan teratur, sambil turut menyumbang ke arah menjadikan Kedah sebagai negeri yang lebih digital, moden, dan efisien.



MAJLIS PERASMIAN ASRAMA PEKERJA BERPUSAT (CLQ)

21 November 2024 - Majlis Perasmian Asrama Pekerja Berpusat - Centralised Labour Quarter (CLQ) di Kediaman Pekerja Waja Indah, Kulim, Kedah telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Negeri Kedah.

Bangunan CLQ ini merupakan projek perumahan pekerja berpusat yang bertujuan memperkukuh pembangunan Daerah Kulim sebagai salah satu kawasan industri terkemuka di negeri Kedah.



Program ini turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi dan Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Kedah, YB Dr. Haim Hilman Abdullah; Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Masyarakat Cina, India dan Siam dan NGO, YB Wong Chia Zhen; ADUN Lunas, YB Khairul Anuar bin Ramli; Pegawai Daerah Kulim, Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff.



Bangunan Centralised Labour Quarter (CLQ) ini merupakan usaha strategik untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa, selamat, dan terancang kepada tenaga kerja di kawasan industri, sekaligus meningkatkan kesejahteraan pekerja dan daya tarikan industri di Kulim.

CLQ yang dibangunkan oleh Syarikat Beaver dan Kujaya ini dapat menempatkan seramai 2,560 orang pekerja.

Majlis diakhiri dengan sesi lawatan ke bangunan CLQ, para tetamu diberi peluang melihat kemudahan lengkap yang disediakan untuk pekerja. Dengan kejayaan perasmian CLQ ini, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha menjadikan Kulim sebagai hub industri utama di Negeri Kedah.





LENSA

SESI BIDAAN PETAK NIAGA BAZAR RAMADHAN 2024/1446H



03 Disember 2024 - Sesi Bidaan Petak Niaga Bazar Ramadhan Kelang Lama bagi Tahun 2025/1446H. Semua yang hadir memberi kerjasama yang sangat baik. Terima kasih.

ANUGERAH REFORMASI URUSAN PERMIT PEMBINAAN DI KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

24 November 2024 - Majlis Penutupan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Konvensyen yang berlangsung dari 22 hingga 24 November di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) ini telah memberikan platform strategik bagi merangka strategi-strategi pembaharuan sektor awam yang inklusif dan berdaya saing.

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah diberi pengiktirafan dengan menerima Anugerah Reformasi Urusan Permit Pembinaan yang berjaya mempercepatkan proses urusan permit pembinaan daripada 24 bulan kepada hanya 10 bulan. YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK tampil menerima penghargaan dan pengiktirafan ini. Tahniah kepada seluruh warga MPKK.



LAWATAN RASMI KE SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)

26 November 2024 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah melaksanakan lawatan rasmi ke Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Kedah Darul Aman, bagi memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada Pegawai dan Ahli Majlis MPKK mengenai tatacara serta perjalanan persidangan dewan.

Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh kefahaman terhadap amalan pentadbiran kerajaan negeri, di samping mempertingkatkan pengetahuan mengenai sistem perundangan dan tadbir urus yang dilaksanakan di peringkat negeri.



LAWATAN RASMI

YANG BERBAHAGIA TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR, KETUA SETIAUSAHA NEGARA

07 Disember 2024 - Dalam ucapan aluan YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) ke MPKK dan seluruh warga MPKK berbangga dapat melakarkan sejarah dan kenangan yang paling berharga bersama YBhg. Tan Sri.

“Evolusi kejayaan E10 bermulanya dari tahun 2020 sehingga kini yang mencatatkan keuntungan daripada hasil pelaburan industri bernilai berbillion Ringgit kepada Negara Malaysia. Kejayaan ini bukan sahaja hasil inisiatif pelaksanaan E10 MPKK, tetapi teretusanya sokongan yang sangat erat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.” “MPKK sebagai pelopor, namun jika tanpa gabungan dan bantuan jabatan dan agensi berkaitan, maka E10 tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.”

TPr. Haji Hamzah bin AB Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap, MPKK telah menyampaikan taklimat kepada KSN berkaitan sistem E10 yang merupakan inisiatif utama mempercepatkan proses permohonan permit pembinaan, sekaligus menarik pelaburan strategik ke Daerah Kulim.

Melalui kerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), sistem ini berjaya meningkatkan produktiviti dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Antara pencapaian utama adalah nilai pelaburan luar biasa sebanyak RM140 bilion dari tahun 2020 hingga 2024, menjadikan Kulim sebagai destinasi pilihan utama pelabur

MPKK juga telah mendengar ucapan dan amanat yang disampaikan oleh KSN, khususnya Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam. Antara lima (5) Bidang Keberhasilan Reformasi (BKR) yang disampaikan tersebut adalah Penghayatan Nilai dan Tatakelola; Pembangunan Modal Insan; Pembangunan Organisasi; Penyampaian Perkhidmatan; serta Memperkasakan Sinergi Awam dan Swasta.

“Sebagai penjawat awam, warga kerja MPKK harus mencipta keseronokan dalam melaksanakan tugas untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.” KSN turut dibawa untuk melihat pelaksanaan Kulim Intelligent Operation Center (KIOC) dan adaptasi teknologi kecerdasan buatan (Ai) bagi pelaksanaan E10 Permit Pembinaan Express di MPKK.

Turut hadir dalam majlis adalah Dr. Mohammad Zaini bin Mohamud, Timbalan Pengarah ICU Kedah, Jabatan Perdana Menteri; Encik Mohamad Azrol bin Mohamad Dali, Pengarah MPC Wilayah Utara; Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Pengarah-Pengarah Jabatan, Penolong Pengarah dan Ketua Unit MPKK.

Terima kasih kepada delegasi tetamu yang hadir, rakan-rakan media yang turut hadir membuat liputan media, seluruh warga kerja MPKK dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung bagi menjayakan program lawatan KSN pada hari ini.



LENSA LAWATAN RASMI YANG BERBAHAGIA TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR, KETUA SETIAUSAHA NEGARA

MAJLIS PERHIMPUNAN KORPORAT MPKK : INTEGRITI BERMULA DARI HATI DAN MAJLIS PERLANCARAN BUKU PELAN ANTI RASUAH KEDAH

9 Disember 2024 - Majlis Perhimpunan Korporat MPKK bertemakan “Integriti Bermula dari Hati” serta Majlis Pelancaran Buku Pelan Anti Rasuah Kedah (PARK) MPKK 2024-2028 dengan visi MPKK ke arah organisasi berintegriti dan bebas rasuah telah berlangsung bertempat di Hotel Seri Malaysia Kulim. Perasmian majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Dr. Nadzman bin Mustaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Kedah.

Majlis dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertajuk “Rasuah Penjawat Awam Bagai Tiada Penghujungnya”. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Syahrul Khuzaini bin Amiruddin, Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM.

Dalam ucapan aluan YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK menekankan kepentingan integriti sebagai nilai asas yang perlu diterapkan di setiap peringkat, sama ada dalam organisasi, masyarakat, mahupun individu. Dato’ Yang Dipertua turut menyeru semua warga MPKK agar komited dalam mempraktikkan nilai ini secara konsisten.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan YBhg. Datuk Timbalan Pesuruhjaya (TPJ) Ahmad Nizam bin Ismail, Pengarah SPRM Negeri Kedah, ucapnya “rasuah merupakan salah satu masalah besar yang memberi impak yang buruk kepada masyarakat, ekonomi dan sistem pentadbiran negara. “Oleh itu, PARK MPKK ini merupakan usaha murni dan komitmen MPKK di peringkat Negeri Kedah serta menjadi garis panduan dan petunjuk arah (benchmark) dalam memerangi rasuah.”

YBhg. Dato’ Dr. Nadzman bin Mustaffa dalam ucapan perasmiannya menggariskan kepentingan konsep The Greater Kedah - High Performance Organisation yang menjadikan integriti sebagai tonggak utama. YBhg. Dato’ Dr. Nadzman menekankan bahawa integriti bukan sahaja mencerminkan profesionalisme, tetapi ia juga menjadi pemacu kepada kejayaan negeri dan negara.


Kemuncak majlis, gimik pelancaran Buku Pelan Anti Rasuah Kedah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Dr. Nadzman, diikuti dengan bacaan ikrar dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh Yang Dipertua MPKK.

Turut hadir dalam majlis ini adalah YB Mejar (Bersara) Mansor bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan, Negeri Kedah; Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli, Pegawai Daerah Kulim; Puan Noorul Azzyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Pegawai-pegawai SPRM, Ahli-Ahli Majlis MPKK, dan seluruh warga MPKK.

Setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak khususnya Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, Negeri Kedah (JITU), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang telah membantu MPKK dalam membangunkan PARK MPKK.

Komitmen dan kerjasama erat semua pihak yang terlibat menjadikan bukti kukuh bahawa “Integriti Bermula dari Hati” dan PARK ini dapat diterjemahkan dalam nilai dan etika seluruh warga MPKK sepanjang perkhidmatan.





LENSA

**MAJLIS PERHIMPUNAN KORPORAT MPKK :
INTEGRITI BERMULA DARI HATI DAN
MAJLIS PERLANCARAN BUKU PELAN ANTI RASUAH KEDAH**



MAJLIS PELANCARAN BANGUNAN KILANG EVE ENERGY (M) SDN BHD

14 Disember 2024 – Kulim terus mencipta sejarah sebagai hab perindustrian utama negara dengan berlangsungnya Majlis Pelancaran Bangunan Kilang Eve Energy (M) Sdn. Bhd. di Kulim Eve Industrial Park (KEIP), yang terletak di kawasan strategik Kulim Industrial Corridor 7 (KIC7). Majlis ini disempurnakan oleh YB Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains Teknologi dan Inovasi Negeri Kedah Darul Aman.

Projek ini merupakan manifestasi kejayaan pelaksanaan Inisiatif E10, yang bertujuan untuk menarik pelaburan bernilai tinggi ke negeri Kedah. Eve Energy (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat terkenal dari China, telah mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap potensi negeri Kedah dengan pelaburan sebanyak RM3.7 bilion. Pelaburan ini dijangka merangsang ekonomi tempatan, mencipta 2,000 peluang pekerjaan, dan memperkukuhkan Kedah sebagai hab teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

Dalam ucapan perasmiannya, YB Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah menegaskan komitmen kerajaan negeri untuk memastikan pembangunan industri di Kedah terus berkembang. “Pelaburan oleh Eve Energy mencerminkan keberkesanan dasar kerajaan negeri dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi melalui Inisiatif E10. Projek ini bukan sahaja memanfaatkan kelebihan lokasi strategik di Kulim, tetapi juga memastikan penjanaan ekonomi mapan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat tempatan,” kata beliau.

Turut hadir dalam majlis ini, Sikh Shamsul Ibrahim Sikh Abdul Majid, Pegawai Ketua Eksekutif MIDA, Dato' Dr. Haji Nadzman Mutaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Tuan Haji Zaini Ramli, Pegawai Daerah Kulim, YBhg. Dato' Haji Elmi Haji Yusuff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dan TPr Haji Hamzah Ab. Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK.

Projek ini juga berupaya meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan sekitarnya, terutama bagi pembekal tempatan yang terlibat dalam rantai bekalan industri. Majlis ini membuktikan komitmen kerajaan negeri untuk memperkukuhkan sektor industri menerusi pendekatan bersepadu antara agensi kerajaan dan sektor swasta.



MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM BAGI RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KULIM 2023

17 Disember 2024 – Majlis Pendengaran Awam dan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam Rancangan Tempatan Daerah Kulim, 2035 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Ikhlas, MPKK.

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah mengadakan Publisiti Awam / Seranta bagi Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 (Pengubahan 6 & 7) pada 20 Julai 2024 hingga 21 Ogos 2024 (Draf Pengubahan 6) dan 05 November 2024 hingga 06 Disember 2024 (Draf Pengubahan 7) di Lobi, Pejabat MPKK dan juga Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan Hi-Tech.

Mesyuarat Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Yang Berhormat Mejar (B) Mansor bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman.

Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran yang turut serta adalah Encik Muhammad Yusri bin Hamid (Jurutera Awam JKR Negeri Kedah); GS. Encik Baharudin bin Ahmad (Timbalan Pengarah JPS Negeri Kedah); Encik Mohd Mohd Munizam bin Abdul Aziz (Pengarah PLANMalaysia Kedah); Encik Mohd Faizal bin Ab Jalil, (Ketua Cawangan JAS Kulim); serta wakil dari Majlis Daerah Bandar Baharu En Shaiful Bin Ismail, Puan Nurzarith Shafiqah Binti Mohamad Rodzi. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK; Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; TPr. Mohammad Fadhlán Ibrahim Penolong Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK dan Puan Uzwana binti Mahmud, Ketua Unit Perancangan Pembangunan, Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK BEYOND BENIH

22 Disember 2024 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menjayakan Majlis Penyerahan Projek Beyond Benih kepada peserta kebun komuniti bertempat di Bilik Al-Hikmah, MPKK.

Majlis Penyerahan Projek Beyond Benih ini telah rasmi oleh TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK. Beliau dalam ucapannya berkata sebanyak 18 Kebun Komuniti telah mula diusahakan secara berperingkat iaitu bermula dari Kebun Komuniti Taman Angsana sejak tahun 2024 ini dan yang terbaru adalah Kebun Taman Mahsuri dan Kebun Bandar Permata Lunas Fasa 2.

Penglibatan rakan kongsi yang terdiri daripada wakil masyarakat, sektor swasta, agensi kerajaan dan badan-badan NGO yang memainkan peranan sama pentingnya dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Malah ianya akan membantu Kerajaan dalam menerapkan konsep urus tadbir baik di samping mewujudkan suasana kehidupan yang selesa melalui persekitaran yang bersih, indah, maju dan selamat dan juga memberi peluang untuk masyarakat dan sektor swasta turut serta dalam proses pembangunan.

Program ini berjaya memperoleh peruntukan dana sebanyak RM 110 ribu bagi dua kawasan iaitu di kebun Taman Angsana dan Taman Serai Setia.

Dengan kerjasama rapat bersama rakan strategik iaitu Jabatan Pertanian ini, program Beyond Benih dapat membuka peluang kepada komuniti-komuniti yang berpotensi untuk memperluaskan tanaman mereka dan memberi manfaat kepada komuniti setempat melalui pemberian pembiayaan dana oleh pihak BAT Malaysia kepada kebun yang diusahakan serta bimbingan teknikal daripada Jabatan Pertanian daerah Kulim.

Sehingga kini hasil yang diperolehi bagi tahun 2024 melalui Program Beyond Benih adalah sebanyak 5,941 tan oleh Kebun Komuniti Taman Angsana manakala Kebun Komuniti Serai Setia sebanyak 10,619 tan. Syabas kerana Kulim mencapai angka hasil yang kedua tertinggi dan 'sustain' daripada aspek pengeluaran hasil tanaman berbanding 12 kawasan lain dalam Malaysia.

Turut hadir, Puan Norhayati binti Amran, Ahli Majlis Zon 09; Puan Nurul Ain binti Mohd Nadzri, Pegawai Jabatan Pertanian; Puan Arisyawati binti Alaudin, Pegawai Perpaduan daerah Kulim; Encik Faris bin Rusli, Pegawai dari British American Tobacco (BAT) Malaysia; Encik Saiful bin Hanif, Pegawai dari Syarikat Paluan Sejati Sdn Bhd; wakil-wakil Kebun Komuniti Serai Setia dan Kebun Komuniti Taman Angsana.





PROGRAM PERTANDINGAN MEMASAK BUBUR ASYURA SEMPENA MAAL HIJRAH 1446H “UKHWAH BERSAMA MPKK”

21 Julai 2024 - Program pertandingan memasak bubur asyura sempena Maal Hijrah 1446H - Ukhwah bersama MPKK telah diadakan di Stadium Kulim.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan memasak bubur asyura sempena Maal Hijrah 1446H iaitu sebanyak 20 kawah yang telah melibatkan penyertaan 18 zon Ahli Majlis bersama komuniti penduduk, Kelab Sukan dan Puspanita, perarakan Maal Hijrah, pertandingan mewarna kanak-kanak bertemakan Maal Hijrah dan persembahan nasyid.

Ucapan YBhg. Dato' Yang Dipertua berkata “pada zaman dahulu kala, acara seperti ini sering dilaksanakan di kampung, namun pelaksanaan secara bergotong-royong boleh disemarakkan bersama penduduk taman perumahan melalui program seperti ini dan melalui Ahli-ahli Majlis, seterusnya dapat menghimpunkan jawatankuasa masing-masing untuk bersama program mengacau bubur asyura seperti hari ini. Semoga budaya ini dapat diteruskan, untuk membina ukhwah dikalangan semua pihak dan memerlukan kerjasama yang jitu”.

Penyampaian hadiah dan saguhati kepada para pemenang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK diiringi Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK, YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil Daerah Kulim; Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK.

Turut hadir, YB Dato' Ustazah Hajah Siti Ashah binti Haji Ghazali, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembasmi Kemiskinan dan Jawatankuasa Pembangunan Insan yang juga merupakan ADUN Merbau Pulas dan YB Dato' Azman bin Nasrudin, Ahli Parlimen Padang Serai serta YB Tuan Khairul Anuar bin Ramli, ADUN Lunas.

Terima kasih kepada pihak yang terlibat serta semua komuniti yang hadir dalam menjayakan program sempena Maal Hijrah - **Ukhwah bersama MPKK!!**





“JOM TANAM POKOK” PERINGKAT DAERAH KULIM “MELAHIRKAN GENERASI CINTAKAN ALAM SEMULAJADI”

06 Ogos 2024 - Program ‘Jom Tanam Pokok’ Daerah Kulim 2024 telah diadakan di Taman Cengal Indah, Kulim dengan penglibatan anggota MPKK, agensi kerajaan, pihak swasta, Ahli Jawatankuasa Puspanita Cawangan Kecil Daerah Kulim, komuniti setempat, NGO dan rakan-rakan strategik MPKK. Program ini merupakan anjuran bersama antara pihak MPKK, PUSPANITA Daerah Kulim dan disertai 38 orang sukarelawan dari Intel.

Penanaman pokok teduhan di bawah Program Pemuliharaan Alam Sekitar Daerah Kulim menepati skop utama Agenda Tempatan 21 (LA21) iaitu alam sekitar, ekonomi dan sosial di mana konsep program adalah berbentuk gotong-royong yang bermatlamat untuk melahirkan generasi mempunyai sifat ‘cinta akan keaslian alam semulajadi’. Taman Cengal Indah, Kulim antara kawasan yang terpilih untuk penanaman pokok iaitu sebanyak 48 pokok.

YBhg Datin Azlina binti Md Zuki, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Kulim, dalam ucapannya, “dengan pertumbuhan penduduk dan permintaan tinggi kepada sektor eko-pelancongan, perkembangan pesat kawasan industri dan perumahan di Daerah Kulim seiring dengan Kulim ke arah sebuah bandar pintar dan berteknologi tinggi, sudah tentu kedudukan dan keaslian pokok-pokok juga perlu diuruskan dengan seimbang selari dengan arus pembangunan”.

Oleh itu, pelaksanaan program penanaman pokok ini amatlah bersesuaian untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup, selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti di dalam Daerah Kulim.” Datin Azlina seterusnya merasmikan Program Jom Tanam Pokok Peringkat Daerah Kulim Tahun 2024.





MAJLIS PELANCARAN KIBARKAN JALUR GEMILANG 2024 “JIWA MERDEKA”

08 Ogos 2024 - YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2024 yang bertemakan "Jiwa Merdeka" Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan bertempat di Perkarangan Pejabat MPKK. Seterusnya, berlangsung pemasangan Jalur Gemilang pada kenderaan rasmi Jabatan MPKK tanda menyemarakkan semangat sambutan Bulan Kemerdekaan oleh warga MPKK.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapannya menyeru warga MPKK untuk bersama-sama menghayati erti Kemerdekaan Negara. Sejak di bangku sekolah, pasti kita semua telah mempelajari mata pelajaran Sejarah, dan kita mengetahui bahawa untuk mencapai kemerdekaan negara sememangnya tidak mudah.

“Oleh itu, marilah kita ambil masa untuk sedekahkan Al-Fatihah kepada pejuang-pejuang yang terdahulu bertungkus lumus mengorbankan jiwa dan raga mempertahankan tanah air yang tercinta ini”.

Ucapan Yang Dipertua diakhiri dengan laungan “Merdeka” sebanyak tiga kali yang disahut bersama-sama dengan warga MPKK.

Program yang bermula seawal jam 8.30 pagi diserikan dengan nyanyian lagu Kebangsaan dan lagu Negeri Kedah. Turut dihadiri, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Pengarah-pengarah Jabatan dan anggota MPKK





KONVOI SERAHAN JALUR GEMILANG BULAN KEMERDEKAAN KE- 67 “ZON-ZON AHLI MAJLIS”

27 Ogos 2024 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Konvoi Serahan Jalur Gemilang dan Serahan Buku Surah Yasin kepada Zon-Zon Ahli Majlis sempena menyambut dan menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan yang Ke-67.

Acara pelepasan peserta konvoi bertempat di perkarangan pejabat MPKK telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK. Jarak keseluruhan konvoi serahan Jalur Gemilang meliputi sejauh 67 Kilometer, merupakan simbolik kepada sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Negara yang ke-67 pada tahun ini.



Yang Dipertua, Puan Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis turut hadir bersama-sama menyertai peserta konvoi bermotor seramai 200 orang.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, dalam ucapan perasmianya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada agensi dan rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan program ini khususnya pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim dan anggota polis trafik yang terlibat dalam mengemudi pergerakan dan mengawal keselamatan para peserta konvoi sepanjang laluan.



Di samping itu, pihak Pejabat Penerangan Daerah Kulim, Pejabat Perpaduan Daerah Kulim, Ahli Kulim Bikers Club, Kulim Municipal Motorcycle Club (KMMC), wakil-wakil komuniti, rakan media serta anggota MPKK turut bekerjasama bagi menjayakan program ini.

Program ini juga turut disambut ceria dengan persembahan daripada pelajar-pelajar Tadika Alamku. Di akhir program, laungan 'Merdeka' beramai-ramai sebanyak tiga kali telah bergema di dalam Dewan Bandaran, Kulim.



COFFEE BREAK BERSAMA PRESIDEN CUEPAC “PRODUKTIVITI DIPERTINGKATKAN INTEGRITI DIPELIHARA”

05 September 2024 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menganjurkan Coffee Break bersama Presiden Kongress Kesatuan Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), berkaitan dengan topik Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA): Produktiviti Dipertingkatkan, Integriti Dipelihara bertempat di Dewan Bandaran.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapan aluannya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak CUEPCAS, khususnya Presiden YBhg. Dato' Dr. Hj Adnan bin Mat yang telah memperjuangkan isu-isu demi kebajikan anggota perkhidmatan awam.

Peranan dan jasa penjawat awam sangat besar terhadap pembangunan negara. Paling penting, penjawat awam perlu bersatu hati, mempunyai jati diri yang kukuh dalam mengharungi cabaran-cabaran yang mendatang.

Sebagai penjawat awam, kita perlu mempunyai semangat untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu mengikut perkembangan peredaran masa agar keberadaan kita masih lagi relevan dalam perkhidmatan awam”.



YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat menyeru agar penjawat awam dapat meningkatkan prestasi dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik semasa menjalankan tugas.

Sesi soal jawab turut berlangsung antara Presiden CUEPACS bersama para hadirin dengan pertanyaan dan penerangan yang jelas dan berinformasi.

Turut hadir, Tuan Haji Mohd Zaini bin Ramli, Tuan Pegawai Daerah Kulim; Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK; Ketua-ketua Jabatan dan wakil pelbagai agensi kerajaan Kulim, serta anggota MPKK.





KEJOHANAN BOLING BERPASUKAN TERTUTUP MPKK - BOLING MERDEKA

12 September 2024 - Kejohanan Boling Berpasukan Tertutup MPKK – Boling Merdeka sempena sambutan Bulan Kemerdekaan 2024 anjuran Kelab Boling dan Kelab Kebajikan dan Sukan MPKK telah diadakan bertempat di Ole-Ole Superbowl, Kulim Central.

Seramai 69 orang (23 pasukan) di kalangan anggota dan juga Ahli Majlis MPKK telah menyertai program ini. Sudah tentunya, semangat kesukanan serta memanjangkan ikatan ukhwah di kalangan warga MPKK menjadi matlamat bersama.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK turut hadir dalam program ini sebagai tanda memberi semangat dan dorongan motivasi kepada anggota bagi meredakan segala tekanan dalam mengharungi cabaran dan tanggungjawab yang perlu digalas dalam melaksanakan tugas.

Terima kasih kepada semua warga MPKK dan tahniah kepada pihak ahli jawatankuasa kelab penganjur dan para pemenang





LENSA

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH KULIM “MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA”

15 September 2024 - *Hebat Kulim Kita!!* Terima kasih kepada semua kontinjen yang terlibat sempena Perbarisan dan Perarakan Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kulim 2024.



KARNIVAL PERPADUAN KOMUNITI SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024

“MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA”



16 September 2024 - Program Perasmian Karnival Perpaduan Komuniti Sempena Sambutan Hari Malaysia 2024 telah berlangsung bertempat di Taman Tasik Putra, Kulim. Pelbagai aktiviti telah diadakan melibatkan komuniti antaranya ialah seperti pertandingan memanah berbusana, pertandingan gubahan bunga, aktiviti untuk anak-anak kecil iaitu pertandingan mewarna serta bagi orang dewasa turut diadakan pertandingan melukis poster Hari Malaysia, pertandingan Deklamasi Sajak dan Syair, pertandingan dam aji dan pertandingan beragam kanak-kanak”.

Selain itu, program ini turut mendapat penglibatan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menyampaikan bahan pameran dan maklumat berguna kepada pengunjung mengenai pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk rakyat. Suasana pada malam tadi juga turut dimeriahkan lagi dengan “Fun Walk Kulim – 5km” Acara ini bukan sahaja menjadi aktiviti riadah yang menyihatkan, tetapi juga mencerminkan semangat kebersamaan dan kerjasama antara kita semua.”

YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK seterusnya merasmikan Majlis Penutup Karnival Perpaduan Komuniti Sempena Sambutan Hari Malaysia 2024 serta Sambutan Maulidur Rasul 1446H.

Turut hadir, YB Dato’ Ustazah Hajah Siti Ashah binti Hj.Ghazali, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Merbau Pulas; YB Encik Khairul Anwar bin Ramli, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas; YB Encik Roslan bin Hashim, Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu; Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim; Supt Azizul bin Mohd Khairi, Ketua Polis Daerah Kulim dan YBsr Encik Mua’amar bin hj Mohamad Ali, Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Fizikal, Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim.

Terima kasih kepada pihak yang terlibat serta semua komuniti yang hadir dalam menjayakan program sempena Program Karnival Perpaduan Komuniti Sempena Sambutan Hari Malaysia 2024!!



HARI CUCI MALAYSIA 2024 DI TAMAN ECO RIMBA SEDIM WORLD CLEAN-UP DAY

28 September 2024 - Program gotong royong dan pembersihan mega ini telah dilaksanakan di 649 lokasi seluruh negara yang melibatkan pelbagai peringkat penganjuran termasuk kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, kementerian-kementerian, sekolah, balai bomba, Residensi PR1MA, Program Perumahan Rakyat (PPR), taman-taman awam, kawasan kejiranan, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah termasuk pembersihan sampah haram, plogging, pembersihan jalan, pembersihan longkang dan pengurusan sisa ke arah ekonomi kitaran.

Menerusi program ini, KPKT mensasarkan penciptaan 3 rekod baharu The Malaysia Book of Records (MBOR) iaitu; Penyertaan paling ramai dan serentak seluruh negara iaitu melebihi 50,000 orang peserta; Kutipan sisa paling berat iaitu melebihi 30 tan metrik. Tempoh masa gotong-royong paling lama iaitu 12 jam (8 pagi hingga 8 malam)

BIL.	KOMPOSISI	JUMLAH (KG)
1	Kertas/Kadboard	5.0
2	Botol Plastik	49.0
3	Plastik Sekali Guna	53.5
4	Styrofoam	7.6
5	Botol Kaca	37.0
6	Tin/Besi	130.5
7	Kain/Pakaian Terpakai	7.0
8	Kasut/Selipar Getah	6.5
9	E-Waste	0.5
10	Puntung Rokok	0.25
11	Sisa Kebun	307.5
12	Lain-lain	86.93

Jadual 1 : Kotegori Dan Jumlah Kutipan Sampah



MAJLIS HI-TEA CAHAYA DEEPAVALI 2024 “SAMA-SAMA DIKONGSI”

24 Oktober 2024 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menganjurkan Majlis Hi-Tea Cahaya Deepavali 2024 bertemakan “Sama-Sama Dikongsi.” Majlis ini diadakan di Dewan Putra Kulim, Kedah dengan matlamat menyantuni komuniti, khususnya golongan kurang berkemampuan dalam kalangan penganut agama Hindu di Daerah Kulim.

Program ini adalah salah satu usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) MPKK yang bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan agar mereka dapat menyambut Deepavali dengan lebih bermakna. Selain itu, inisiatif ini turut bertujuan memupuk rasa kesejahteraan dan keamanan dalam kalangan penduduk setempat.

YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapannya berkata, pihak MPKK amat menghargai kehadiran komuniti dalam Program Cahaya Deepavali yang pertama kalinya diadakan di bawah anjuran MPKK.

Program ini melibatkan 18 zon Ahli Majlis dan Pegawai Kawasan (AO), dengan 10 wakil penerima sumbangan daripada setiap zon.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK; Ahli-Ahli Majlis MPKK; serta rakan strategik media MPKK.



LENSA

HARI KELUARGA DAN SUKANEKA ALAMKU 14 DESEMBER 2024



GOTONG ROYONG PERDANA SEMPENA TAHUN MELAWAT KEDAH 2025 “EXPERIENCE KEDAH”



19 Disember 2024 - Negeri Kedah telah diistiharkan sebagai tahun melawat Kedah dengan tagline Experience Kedah maka program gotong royong perdana ops sepadu telah dilaksanakan sempena tahun melawat Kedah 2025. Pusat Rekreasi Ulu Paip, Kulim telah dipilih sebagai lokasi untuk mengadakan gotong royong perdana sempena tahun melawat Kedah.

Majlis gotong royong telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Chia Zhen, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah wakil rakyat Dun Kulim. Dalam ucapannya, kempen program gotong royong ini dimaklumkan telah dijalankan secara serentak di 36 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kedah.

Program ini bertujuan bukan sahaja untuk mempersiapkan Negeri Kedah bagi Tahun Melawat Kedah 2025, tetapi juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kebersihan dan keindahan alam sekitar.


Beberapa destinasi menarik di daerah Kulim turut diketengahkan, antaranya Pusat Rekreasi Ulu Paip, Pusat Rekreasi Sedim, serta pelbagai tapak warisan dan sejarah seperti rumah ibadat dan Menara Jam Kulim.

Agensi yang turut terlibat program gotong royong adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM Kulim), SWCORP, Jabatan Hutan, E-idaman Sdn Bhd, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM Kulim), Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH Kulim), Kontraktor Perhutanan, PGA, Askar Wataniah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN Kulim), Penghulu Mukim, Majlis Ketua Kampung, penduduk sekitar dan pihak MPKK.

Hadir sama, Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK selaku urus setia yang menyelaras gerak kerja pembersihan ; Tuan Haji Zaidi bin Zainun, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat; Puan Fadhilah binti Mohamad, Pegawai Hutan, Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan; Ustaz Mohd Iskandar Shah bin Ibrahim, Pegawai Khas YB Adun Kulim merangkap Pengarah Pusat.



PERTANDINGAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH ZON-ZON AHLI MAJLIS SEMPENA PIALA YANG DIPERTUA MPKK



29 Disember 2024 - Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah 2024 Zon-Zon Ahli Majlis sempena merebut Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah diadakan pada 28 hingga 29 Disember 2024 di Stadium Kulim, Kedah.

Pada 28 Disember 2024, pertandingan bola sepak 9 sebelah ini telah diadakan di beberapa lokasi di sekitar Kulim, termasuk di Padang Bola Sepak Kem PGA, Kulim; Padang Bola Sepak Taman Makmur, Lunas; Padang Bola Sepak Taman Ria, Padang Serai; serta Universiti Kuala Lumpur - Malaysian Spanish Institute (UniKL-MSI) Kulim.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang meriah daripada komuniti zon-zon Ahli Majlis MPKK, di mana setiap pasukan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang kejohanan.

Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir, Puan Noorul Azzyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK, serta Ahli-Ahli Majlis Zon-Zon MPKK yang memberikan sokongan dan semangat kepada para peserta.

Diharapkan, acara seperti ini akan terus menjadi platform bagi melahirkan bakat-bakat baru dalam bidang sukan serta mengeratkan lagi perpaduan dalam kalangan warga MPKK.

Johan pertandingan dimenangi oleh Zon 13 MPKK, T Kijang FC, yang berjaya menewaskan pasukan-pasukan lain dengan permainan yang penuh strategi dan disiplin. Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK.

Berikut merupakan hadiah kepada para pemenang :

Johan (ZON 13 MPKK, T KIJANG FC)

: Piala Pusingan, Wang Tunai RM 2000, Trofi, dan Meda

Naib Johan (PILIHAN YDP MPKK)

: Wang Tunai RM 1500, Trofi, dan Meda

Ketiga (ZON 09 MPKK, SELASIH RANGERS FC)

: Wang Tunai RM 1000, Trofi, dan Meda

Keempat (ZON 16 FC)

: Wang Tunai RM 750, Trofi, dan Meda



KURSUS TEKNIKAL PENGURUSAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN STRATA AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

“TINGKATKAN KEFAHAMAN PESERTA COB”

10 & 11 Julai 2024 – Seramai 35 peserta unit *Commissioner Of Building (COB)* dari pelbagai PBT telah menyertai Kursus Teknikal Pengurusan dan Penyelenggaraan Bangunan Berstrata Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Siri 1/2024 anjuran oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah diadakan di Dewan Alamanda, Kulim Inn.

Matlamat utama penganjuran kursus adalah untuk memberi pendedahan mengenai pembangunan dan aspek teknikal bangunan strata di Malaysia, meningkatkan kefahaman pembangunan strata dari perspektif teknikal dan kompetensi peserta dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan.

Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) untuk bertemu dengan Yang Dipertua MPKK, Dato' Haji Elmi Bin Yusoff.



**KUNJUNGAN HORMAT OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN (KPKT) KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM**

BENGKEL KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN “MEMANTAPKAN KAEDAH KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN”

16 Julai 2024 – Bengkel Kutipan Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah diadakandi Bintang Sedim Villa, Tree Top Walk Sungai Sedim.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagimembantu usaha MPKK menyelesaikan isu berkaitan kutipan tunggakan cukai taksiran dan memperincikan strategi kutipan cukai taksiran dengan cadangan penyelesaian yang berkesan.

Turut hadir, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK. Bengkel ini disertai oleh Ahli Majlis bersama Area Officer dan Pengarah-pengarah Jabatan MPKK.



KURSUS KESELAMATAN KERJA PENYELENGGARAAN POKOK RENDANG DENGAN MENGGUNKAN KAEDAH TEBAIK ARBORIKULTUR “MEMANTAPKAN KEMAHIRAN PARA PETUGAS LANDSKAP”

11 September 2024 – Telah berlangsung kursus keselamatan kerja penyelenggaraan pokok redang secara teknikal bertempat di Taman Tasik Putra.

Modul kursus yang diperkenalkan ialah :

- Halatuju cabaran industri pokok
- keperluan pemangkasan pengurusan pokok
- 'The Right Tree in The Right Place'
- Pengurusan Trafik semasa kerja penyelenggaraan
- Perancangan serta risiko kemalangan
- Kaedah pemotongan serta alatan yang sesuai
- Risiko kerja dan jenis kemalangan
- Amali kerja penggunaan chainsaw dan kaedah pemangkasan



OPERASI BERSEPADU PREMIS MAKANAN

11 November 2024 - Operasi bersepadu telah dijalankan di premis makanan kawasan Kulim dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kulim (PKD Kulim), Jabatan Penguatkuasa MPKK, dan Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKK. Operasi ini melibatkan pemeriksaan terhadap 8 kiosk yang beroperasi di kawasan tersebut.



Hasil daripada pemeriksaan, sebanyak 6 kompaun lesen dan premis telah dikeluarkan dan beberapa premis telah diarah tutup oleh pihak PKD Kulim kerana melanggar peraturan yang ditetapkan. Tindakan tegas ini diambil sebagai langkah untuk memastikan kesihatan awam dan keselamatan pengguna sentiasa terjamin.

OPERASI RAMPASAN STALL TERBIAR



Operasi rampasan gerai terbiar telah dijalankan oleh 9 orang anggota penguatkuasa dari Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) di kawasan Taman Seri Seladang, Lunas.

Dalam operasi tersebut, 2 unit gerai yang ditinggalkan penjaja telah dirampas dan dialihkan dari tapak tersebut. Penguatkuasaan dijalankan di bawah peruntukkan Seksyen 46(3)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] yang memberikan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan atas kesalahan halangan di tempat awam. Isu kacau ganggu dan kebersihan kawasan persekitaran awam akan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak PBT.



LAWATAN AHLI MAJLIS KE TAPAK PELUPUSAN SANITARI(TPS)

29 September 2024 - Satu sesi lawatan yang diketuai oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK ke Tapak Pelupusan Sanitari Padang China bersama dengan Ahli-Ahli Majlis, pengarah dan pegawai jabatan/ bahagian MPKK.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Encik Jaafar Saddiq, Pengarah Urusan, Panimex Construction (M) Sdn. Bhd.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA IPOH

30 September 2024 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja daripada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Delegasi ini diketuai oleh LAr Meor Abdullah Zaidi bin Meor Razali, Pengarah Kanan Perkhidmatan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Sesi taklimat Penandaranan Pelaksanaan Inisiatif E10 & Pembangunan Kulim Hitech Park telah disampaikan TPr. Haji Hamzah Bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

17 Oktober 2024 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja daripada Majlis Perbandaran Dungun (MPD). Delegasi ini diketuai oleh Tuan Mohd Rashdan bin Muda, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun (MPD).

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapan aluannya berkongsi tentang pencapaian E10 khususnya yang melonjakkan daerah Kulim Kedah menjadi sebutan di dalam dan luar negara.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PEGAWAI-PEGAWAI PENILAIAN PBT (PEPAM)

22 Oktober 2024 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pegawai-Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia (PEPAM) Bil 04/2023-2025 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Hikmah, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK).

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK telah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak PEPAM kerana memilih MPKK sebagai tuan rumah bagi pelaksanaan mesyuarat kali ini.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06 November 2024 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja daripada Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP).

Sesi taklimat dimulakan dengan ucapan aluan daripada Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK, yang seterusnya disusuli dengan taklimat mengenai Kaedah Kutipan (Kad Debit dan Resit) yang disampaikan oleh Encik Firdaus bin Saiden, Ketua Bahagian Peniaga Kecil Dan Penjaja, Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

01 Disember 2024 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat dan lawatan penanda aras Jabatan Bangunan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sesi taklimat dimulakan dengan ucapan aluan daripada TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK, yang seterusnya disusuli dengan taklimat mengenai tatacara kerja di bawah Akta 133, pengurusan pentadbiran dan penguatkuasaan di bawah Jabatan Bangunan telah disampaikan oleh Ar. Haji Mohd Nazri bin Harun, Pengarah Jabatan Bangunan MPKK.





LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM KE MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

20 Disember 2024 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) pada hari ini telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang diketuai oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK. Turut hadir adalah para Pengarah, Penolong Pengarah Jabatan serta pegawai-pegawai MPKK.

Lawatan ini disambut mesra oleh YBhg. Dato' Ir Rajendran A/L P. Anthony, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dimulakan dengan ucapan aluan.

Objektif lawatan ini, MPKK dapat melihat pendekatan MBPP dalam menangani cabaran perancangan bandar dan pengurusan kelestarian alam sekitar di kawasan yang padat penduduk dan mempunyai kepelbagaian keperluan.

MPKK juga dapat mempelajari amalan terbaik yang boleh diadaptasi dan diaplikasikan oleh MPKK dalam membantu perancangan pembangunan yang semakin kompleks.

Justeru, lawatan penandaarasan ini memberi manfaat kepada MPKK dalam meningkatkan kefahaman tentang proses kebenaran merancang dan menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan serta komuniti setempat demi pembangunan yang lebih teratur dan berkesan pada masa hadapan.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN KAWASAN TERJEJAS BANJIR MUKIM DERANG, POKOK SENA KEDAH

07 Disember 2024 – Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena, Kedah dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia telah mengadakan program gotong-royong pembersihan kawasan terjejas banjir di Mukim Derang, Pokok Sena Kedah.

Dalam usaha untuk mengurangkan kesan banjir dan memulihkan keadaan persekitaran, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) turut membantu dengan menghantar pasukan khas bagi membersihkan sisa-sisa banjir termasuk lumpur, sampah, dan pelbagai jenis bahan buangan setelah kawasan ini terjejas teruk akibat hujan lebat dan banjir yang melanda.

Dengan semangat kerjasama dan keprihatinan, kami berharap kawasan yang terjejas banjir dapat kembali pulih sepenuhnya serta selamat untuk didiami. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan kejayaan usaha pembersihan ini.



MPKK KINI KE ARAH PELAKSANAAN INISIATIF E10 PLUS

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pemajuan serta pembinaan bangunan di kawasan Kulim bagi tujuan untuk mempercepatkan pengeluaran permit dan kelulusan projek pembinaan dengan mengurangkan birokrasi, memperkukuh kerjasama antara agensi, dan meningkatkan daya saing perniagaan serta pelaburan di daerah tersebut telah memperkenalkan satu inisiatif iaitu E10. Kini MPKK mula melaksanakan versi terkini, iaitu E10 Plus dengan menggunakan teknologi semasa seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan Sistem Pangkalan Data Bersepadu Kulim (KIDs) untuk menambah baik proses kelulusan dan pengurusan projek.

Sebelum pengenalan E10, proses kelulusan biasa boleh memakan masa sehingga 24 bulan. Melalui E10, tempoh ini dikurangkan kepada 10 bulan atau lebih pendek bergantung pada keperluan projek. Inisiatif ini terdiri daripada beberapa peringkat, bermula dari E10 1.0 pada tahun 2020, yang merangkumi permit pembinaan di atas tapak sedia ada hingga E10 2.0 pada tahun 2022 yang melibatkan pembangunan tanah termasuk infrastruktur dan utiliti.

Versi terkini, E10 Plus membawa inovasi dengan integrasi Data Geospatial iaitu Kulim Intergrated Database System (KIDs) dan Kecerdasan Buatan (AI). KIDs merupakan sistem maklumat geospatial yang memudahkan akses dan pengurusan data spatial bagi pihak berkuasa tempatan. AI pula digunakan dalam pelbagai aktiviti seperti semakan dokumen, penilaian pelan cadangan pemajuan, dan pengiraan fi dan caj-caj berkaitan dengan pemajuan. Dengan teknologi ini, MPKK dapat mengurangkan beban kerja manual, mempercepatkan proses kelulusan dan meningkatkan ketelusan serta ketepatan dalam membuat keputusan.

Dengan versi terkini E10 Plus bukan sahaja menumpukan kepada kelulusan cepat tetapi juga memastikan pembangunan yang berkualiti dan lestari. Melalui penggunaan KIDs, maklumat mengenai tanah dan pelan susun atur dapat diakses dengan mudah untuk perancangan yang lebih baik. Termasuk pemendekan tempoh kelulusan melalui permohonan serentak. Pemaju boleh menyerahkan pelbagai pelan dalam format digital seperti Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Parit dan Pelan Bangunan secara serentak dan ianya diproses secara digital serta dibuat semakan secara auto, memperkukuh koordinasi antara MPKK dengan agensi teknikal lain seperti Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan serta agensi luaran utama seperti Plan Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Tenaga Nasional Berhad/NUR Power, SADA dan Jabatan Alam Sekitar.

AI dalam E10 Plus membantu memudahkan pemprosesan data, penilaian dokumen serta semakan pelan-pelan cadangan pemajuan dan pelaksanaan kerja, penyediaan laporan berkaitan dengan aktiviti yang terlibat dalam proses di pelbagai peringkat kelulusan cadangan pemajuan, Pengiraan caj-caj berkaitan dengan cadangan pemajuan dan pemantauan projek juga dapat dilaksanakan secara pintar.

MPKK KINI KE ARAH PELAKSANAAN INISIATIF E10 PLUS

Dalam pada itu, inisiatif E10 Plus telah membuahkan hasil kepada beberapa projek seperti Aspen Glove dan Ferrotec Manufacturing di Kulim sebagai contoh, kejayaan E10 Plus. Dengan pelaburan melebihi RM280 juta dan RM850 juta, projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh kurang daripada 10 hingga 12 bulan berbanding tempoh biasa 24 bulan. Begitu juga dalam konteks pemajuan berkaitan dengan pembangunan tanah seperti KHTP 4A dan Kulim Industrial Corridor (KIC) adalah merupakan projek yang menggunakan insiatif E10 2.0 berserta dengan E10 Plus dalam proses kelulusan dan pelaksanaannya. Ini menunjukkan keberkesanan E10 Plus dalam mempercepatkan pembangunan, meningkatkan daya tarikan pelaburan dan membuka peluang pekerjaan baharu.

Walaupun inisiatif ini membawa banyak manfaat, namun begitu terdapat cabarannya termasuk keperluan untuk memastikan semua pihak berkepentingan memahami dan menerima perubahan kepada proses digital. Latihan dan penyesuaian kepada teknologi baharu seperti KIDs dan AI diperlukan bagi memastikan penggunaannya dapat dioptimumkan. Tambahan pula, koordinasi yang lebih rapat antara pelbagai agensi adalah perlu bagi mengelakkan pertindihan tugas dan memastikan kelancaran proses. Penyediaan prasarana ICT yang bersesuaian di semua agensi teknikal dalaman dan luaran juga perlu dilihat dan diberikan keutamaan.

Inisiatif E10 Plus merupakan langkah penting bagi MPKK dalam mempercepatkan proses pembangunan dan meningkatkan daya saing daerah Kulim sebagai pusat pelaburan industri. Dengan pendekatan bersepadu yang menggabungkan peraturan tangkas, teknologi AI dan sistem digital, MPKK dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan responsif kepada pelabur dan pemaju. Melalui penyelarasan yang baik, sokongan teknologi dan konsultasi yang berterusan, E10 Plus membuktikan keupayaannya untuk mengubah landskap pembangunan perbandaran dan mewujudkan persekitaran yang lebih mesra perniagaan.



KURSUS INTENSIF TRANSFORMASI DIGITAL MELALUI PENGGUNAAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE (CHATGPT) BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MAJLIS PERBANDARAN





MAKLUMAN KEDAH CASHLESS

TIADA TRANSAKSI TUNAI DI KAUNTER
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
DAN CAWANGAN
BERMULA

1 JAN 2025



KULIM SMART
PAY



VERS
4.0

**Pembayaran fungsi - fungsi
baru KSPay seperti:**

-  Bil Cukai Taksiran
-  Sewaan Gerai
-  Kompaun Pelbagai

HANYA boleh dilakukan
melalui:

 DuitNow Online
Banking/Wallets

 DuitNow QR

 FPX

 Credit/Debit Card
- VISA/Mastercard

A SMART SOLUTION FOR EVERYONE



SILA IMBAS KOD QR UNTUK
MEMUAT TURUN APLIKASI
KULIM SMART PAY